

BAB 2

KAJIAN LAMPAU

2.1 Pengenalan

Bahagian ini akan membincangkan pendapat-pendapat para tokoh dan pendidik di samping dapatan-dapatan yang diperolehi hasil daripada kajian para penyelidik dalam bidang yang berkaitan. Segala bahan untuk tujuan ini diperolehi dari buku-buku, jurnal, surat khabar, kertas kerja persidangan, tesis, kertas projek, terbitan kerajaan dan majalah. Sumber rujukan adalah Perpustakaan Tun Seri Lanang, Pusat Peringatan Za'aba, Pusat Sumber Fakulti Pendidikan, Pusat Dokumentasi Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) dan Internet. Kaedah yang digunakan ialah melalui pencarian melalui CD ROM, OPAC dan engin pencarian seperti ‘Google’ dan ‘Yahoo’.

2.2 Pengajaran Individu

Pengajaran kendiri atau dengan lain perkataan belajar sendiri atau kendali sendiri adalah merupakan satu kejadian di mana seseorang pelajar menggunakan masanya untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran secara peribadi tanpa guru. Kaedah ini sering digunakan apabila kaedah lain tidak dapat dijalankan. Kaedah ini mempunyai beberapa keistimewaan seperti :

- a. Menjimatkan masa – Pelajar tidak perlu khususkan satu masa yang tertentu untuk ini.
- b. Menjimatkan kos – Pelajar tidak perlu membelanjakan kos tertentu untuk menjalankannya seperti tambang kos untuk bahan perantaraan dan sebagainya.
- c. Mudah dikendalikan – Ia boleh dikendalikan mengikut kemampuan pelajar. Contohnya pelajar boleh mencuba bahagian satu dan menyambungnya pada masa lain mengikut keselesaanya (Yusup Hashim, 1998).

Pengajaran individu (PI) bukanlah sekadar satu kaedah pengajaran, malahan satu falsafah pendidikan. Oleh sebab PI mengambil kira perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar dan berusaha menyesuaikan proses pembelajaran seseorang pelajar mengikut keperluan mereka, maka pengajaran ini menyediakan pendidikan paling sesuai untuk diikuti oleh para pelajar. Pengajaran ini meletakkan tanggungjawab pembelajaran ke atas bahu para pelajar sendiri dan ini sering menghasilkan dorongan yang lebih untuk pembelajaran dan juga perkembangan konsep kendiri dan nilai peribadi (Shaharom Noordin, 1996).

Esbensen (1970, ms.44) mentakrifkan PI:

By individualized instruction is meant whatever arrangements make it possible for each student to be engaged at all times in learning those things that are most value to himself, as an individual.

Menurut Collette dan Chiappetta (1984, ms. 279):

Individualized Instruction at its extreme means that every student has the choice to decide what to study, when to study, how long to study and with whom to study.

Berdasarkan definisi-definasi yang telah diberikan, dapat kita berikan satu pengertian umum kepada pengajaran individu. Pengajaran individu tidak semestinya merupakan satu cara untuk belajar. Yang pentingnya ialah pengajaran itu haruslah merupakan sesuatu yang membolehkan seseorang murid melakukan perkara yang berfaedah kepada dirinya sebagai seorang individu iaitu satu pembelajaran yang dibuat dan dihargai oleh murid itu. Pengajaran individu adalah satu kaedah pengajaran yang disesuaikan dengan keperluan untuk seseorang pelajar. Pengajaran individu membolehkan pelajar-pelajar maju pada kadar mereka sendiri dan mencapai potensi maksima. Kaedah-kaedah pengajaran yang ditentukan dalam pengajaran individu bertujuan untuk memaksimumkan perkembangan dan pencapaian seseorang individu (Reynolds & Fletcher-Janzen, 1990).

Para pelajar yang normal sekalipun mempunyai perbezaan-perbezaan individu antara satu sama lain. Antara perbezaan individu tersebut termasuklah dari segi aras kognitif, kadar pembelajaran untuk memahami sesuatu konsep, aras dorongan, aras kemahiran psikomotor, sikap serta nilai terhadap sesuatu mata pelajaran (Shaharom Noordin, 1996). Mengikut Shaarom Noordin dan Yap Kueh Chin (1992) perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar merupakan satu fakta yang tidak boleh dinafikan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, pemilihan dan pembinaan kaedah yang sesuai, penggunaan pelbagai teknologi dan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta penghasilan bahan-bahan pengajaran yang teratur merupakan prinsip asas suatu pengajaran yang berkesan.

Menurut Brown, Lewis dan Harclerode (1977), pengajaran di sekolah haruslah memberi keutamaan kepada keupayaan pembelajaran. Oleh kerana itu, pengajaran individu yang mementingkan keupayaan pelajar untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran mengikut keupayaan sendiri harus diberi perhatian yang serius.

Menurut Ysseldyde dan Algozzine (1995), program pendidikan serta kaedah dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan perlu mengambil kira perbezaan individu di kalangan pelajar. Born, Gledhill dan Davis (1972) mendapati bahawa 85% pelajar yang tamat kursus pembelajaran individu berasa seronok dan ingin mencadangkan kepada rakan-rakannya. Dapatan yang sama dilaporkan oleh Gallup (1969) dan Sheppard dan MacDermot (1970). Sheppard dan MacDermot (1970) turut mendapati bahawa pelajar menganggap kursus pembelajaran individu lebih tersusun, berbentuk simulasi dan ada interaksi efektif dengan pelajar lain. Nelson dan Scott (1972) mengatakan majoriti pelajar ingin meneruskan kursus pembelajaran individu yang lain.

Adakah pelajar memberi respon yang negatif terhadap bahan pembelajaran individu. Mengikut Born dan Herbet (1971) pelajar yang mengundurkan diri daripada kursus pembelajaran individu memberi alasan seperti terlalu banyak kerja dan tugas serta tabiat membaca yang kurang. Martin (1989) pula memberi dua alasan untuk kegagalan modul. Pertama, isi kandungan adalah terlalu kompleks, membosankan, tidak relevan atau tidak sesuai untuk pelajar tersebut. Kedua pula ialah, kandungannya terlalu mudah kepada pelajar yang telahpun mahir dalam bidang tersebut. Di sini boleh dibuat

kesimpulan bahawa kegagalan MPK adalah disebabkan oleh kelemahan modul itu atau tahap pembelajaran pelajar dan sikap pelajar itu sendiri.

Hasil penyelidikan Bangert, Kulik dan Kulik (1983) terhadap 51 kajian di peringkat sekolah menengah didapati sebanyak dua pertiga daripada pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan bahan pembelajaran individu. Dengan demikian adalah terbukti bahawa pembelajaran individu adalah satu strategi yang dapat membantu pelajar menguasai sesuatu kemahiran mengikut kemampuannya sendiri.

2.3 Modul Pengajaran Kendiri

Pelaksanaan konsep pengajaran individu dalam sesebuah bilik darjah akan dapat dipertingkatkan jika sesuatu mata pelajaran atau sesuatu tajuk daripada mata pelajaran tertentu dipecahkan kepada beberapa tajuk kecil supaya mudah dibaca atau digunakan serta kaedah yang sistematik diwujudkan untuk menguruskannya (Burns, 1971). Salah satu kaedah yang boleh dianggap mudah ialah dengan membina bahan pengajaran dan pembelajaran yang berturutan dalam bentuk Modul Pengajaran Kendiri (MPK) atau dikenali juga sebagai modul sahaja (Shahrom & Yap, 1992). Mengikut Shahrom Noordin (1996), terdapat beberapa strategi yang berkesan. Salah satu cara melaksanakannya ialah dengan menggunakan pengajaran kendiri. Modul ini dihasilkan dalam bentuk media cetak kerana ia mudah dikendalikan oleh para pelajar pada bila-bila masa.

Menurut Goldschmid (1973), MPK ialah satu siri unit pembelajaran kendiri yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang dibentuk untuk membantu para pelajar mencapai sesuatu objektif yang telah ditetapkan.

Kamdi (1990, ms.29) mentakrifkan modul sebagai:

Suatu pakej pengajaran pembelajaran atau pukal belajar sendiri yang lengkap mengandungi komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti-aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya murid-murid dapat mengikuti langkah demi langkah menguasai sesuatu unit pembelajaran dan menjadikan pembelajaran boleh dijalankan secara individu.

Menurut Meyer (1979, ms.24) pula, MPK ditakrifkan sebagai:

A self-contained semi-programmed and self-paced unit of work designed to achieve highly specific objectives in a short span of time, usually a few days or less. Usually, but not always, based on an educational technology model. Always packaged for use as an independent learning resource. May or may not be a unit of an extended course.

Berdasarkan takrifan-takrifan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa MPK adalah pakej pembelajaran yang bertujuan untuk membolehkan para pelajar belajar sendiri. MPK berbeza dari segi panjang, kandungan serta formatnya.

Yusup Hashim (1997) mengatakan bahawa MPK direka berdasarkan pengalaman pengajaran yang terancang dan tersusun dikumpulkan untuk mencapai objektif yang telah

ditetapkan dalam jangka masa tertentu. Menurut Gagne dan Briggs (1974), modul sebagai pengajaran individu bukan sahaja berkesan dan cekap berbanding pengajaran berkumpulan tetapi lebih memenuhi kehendak pelajar kerana bersifat lebih ‘kemanusiaan’.

Rahim Selamat (1990) pula mengatakan bahawa MPK dianggap lebih berkesan berbanding dengan pengajaran berkumpulan disebabkan ia dapat memenuhi kehendak peribadi pelajar, menepati konsep perbezaan individu dan lebih bersifat kemanusiaan dari segi pendedahan. Dalam bilik darjah wujud banyak perbezaan di kalangan para pelajar. Biasanya adalah mustahil bagi guru untuk memenuhi keperluan setiap individu pelajar tersebut serentak. Pada kebiasaan mereka akan mengajar sesuatu mata pelajaran menggunakan kaedah yang sama pada anggapan mereka boleh diikuti oleh sebahagian besar pelajar. Ada pelajar yang boleh belajar terlalu cepat dan sebaliknya. Disebabkan terdapatnya perbezaan dari aspek kebolehan intelek, latar belakang akademik dan gaya pembelajaran, kaedah pengajaran bermodul menggunakan MPK membolehkan kadar pembelajaran disesuaikan mengikut keperluan individu pelajar. Pelajar yang lemah boleh mengulang mana-mana bahagian yang didapati sukar, manakala pelajar yang cerdas pula boleh meneruskan pembelajaran mereka jika objektif pembelajaran MPK berkenaan telah dicapai.

Salah satu ciri penting yang seharusnya disepadukan ke dalam MPK ialah peluang supaya para pelajar aktif dalam proses pembelajaran yang dilalui. Telah

diketahui bahawa para pelajar belajar sesuatu dengan membuat sendiri aktiviti berkenaan.

Menurut Bruner (1966, ms.72):

.....it is to teach him to participate in the process that makes possible the establishment of knowledge. We teach a subject not to produce little living libraries on that subject, but rather to get a student to think mathematically for himself, to consider matters as historian does, to take part in the process of knowledge getting, knowing is a process, not a product.

Oleh sebab itu, MPK seharusnya menyediakan peluang supaya para pelajar akan terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Oleh kerana MPK berformatkan pengajaran kendiri serta bersifat individu, bahan-bahan pelajaran ganti (*make-up lesson*) dan ulangkaji boleh disempurnakan dengan usaha yang minimum. MPK memberikan setiap pelajar peluang belajar secara individu dan pada masa yang sama, menyediakan pembelajaran yang berkesan pada pelajar yang ramai. Pengajaran yang seragam tetapi bebas membolehkan setiap pelajar belajar mengikut kadar masing-masing. Semua pelajar boleh didedahkan pada bahan pembelajaran yang sama.

2.3.1 Tujuan Pengajaran Bermodul

Pengajaran bermodul menyediakan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari sesuatu bahan pengajaran dengan berbagai cara dan membenarkan setiap pelajar memilih media yang paling sesuai dan berkuasa bagi mereka untuk memahami bahan tersebut.

Tujuan utama pengajaran bermodul ialah supaya pelajar dapat meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan kadar sendiri (Shaharom & Yap, 1991). Konsep ini penting berdasarkan kesedaran bahawa kejayaan yang dicapai oleh para pelajar itu bukanlah pada kadar yang sama dan mereka juga sebenarnya tidak mempunyai tahap kesediaan untuk belajar pada masa yang sama (Burns, 1971).

Pembelajaran bermodul juga akan membolehkan para pelajar memilih cara pembelajaran yang paling sesuai untuk diri mereka supaya pembelajaran akan lebih berkesan dan produktif. Amalan semasa dan pengkaedahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kurang menyediakan rangsangan yang mencukupi terhadap proses kognitif untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan (Tengku Mohd. Azman, 1991). Kaedah pembelajaran bermodul biasanya mengandungi berbagai-bagai aktiviti pembelajaran, seperti membaca buku teks dan artikel, meneliti gambar dan rajah-rajab, menonton filem, video dan slaid, mendengar rakaman, meneliti bahan-bahan demonstrasi, mengambil bahagian dalam projek dan uji kaji dan mungkin juga mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Keadaan ini boleh merangsang para pelajar dalam pembelajaran mereka.

Pembelajaran bermodul juga bertujuan untuk menyediakan pilihan dalam berbagai-bagai tajuk yang terdapat dalam sesuatu mata pelajaran jika kita menganggap bahawa para pelajar tidak mempunyai minat yang sama dan motivasi mereka untuk mencapai sesuatu matlamat juga berbeza (Burns, 1971).

Tujuan lain ialah untuk membolehkan para pelajar mengenal pasti kelebihan serta kelemahan mereka dan jika perlu bolehlah mereka mempelajari semula bahan pembelajaran berkenaan menerusi aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam bahagian pengayaan dan pemulihan yang terkandung dalam sesuatu MPK itu (Shaharom, 1994). Para pelajar yang tidak menghadapi masalah dalam memahami dan menguasai bahan pembelajaran yang terdapat dalam MPK tersebut, bolehlah sama ada hendak mengulang semula bahan pembelajaran yang sama, meneruskan pembelajaran ke MPK yang seterusnya atau menukar cara pembelajaran rakaman audio bahan yang berkaitan (Klingsted, 1971). Langkah ini memang ada kebaikannya jika kita menganggap bahawa adalah perlu untuk menjimatkan masa pelajar dan juga untuk membolehkan seberapa ramai pelajar berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Ini dibuktikan oleh beberapa kajian. Kajian oleh Azlinda Ahmad (2000) bertajuk ‘Penghasilan dan Penilaian MPK Seni Reka Grafik untuk Pelajar Institusi Swasta’ mendapati bahawa semua pelajar yang terlibat menunjukkan peningkatan dalam pemahaman dan penguasaan tajuk yang diberi berdasarkan keputusan ujian pra dan pasca. Satu kajian yang dijalankan oleh Shaharom Noordin (1996) yang menggunakan kaedah yang sama untuk menghasilkan dan menjalankan penilaian formatif ke atas MPK bagi subjek Kemahiran Hidup mendapati bahawa MPK yang dibina dengan teliti dan terancang akan menghasilkan modul yang sesuai sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

2.3.2 Modul Pengajaran Kendiri dan Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik pelajar terutama sekali dalam peperiksaan pada peringkat kebangsaan sering mendapat perhatian masyarakat. Terdapat banyak pembolehubah yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Salah satu daripadanya ialah kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru dalam menyampaikan pelajaran. Banyak kajian telah dijalankan untuk melihat kesan kaedah pengajaran ke atas pencapaian akademik pelajar termasuklah kaedah pengajaran bermodul.

Okey (1974) telah menyiasat kesan penggunaan MPK yang dinamakan ‘Teaching for Mastery’ oleh para guru sekolah rendah ke atas pencapaian akademik 130 orang pelajar gred empat. Kajian beliau mendapati bahawa kesemua lima kelompok percubaan telah menunjukkan peningkatan yang signifikan. Hunt dan Lamkin (1975) dalam pengkajian mereka untuk manganalisis kesan pengukuhan dan membalaik dalam pembelajaran menggunakan MPK dalam bentuk tutorial kendiri (*auto-tutorial*) telah melibatkan subjek seramai 48 orang pelajar sekolah menengah atas yang mengambil mata pelajaran Biologi. Mereka telah mendapati bahawa terdapat peningkatan markah yang besar dan signifikan selepas menggunakan MPK tersebut. Berdasarkan hasil kajian ini bolehlah disimpulkan bahawa sistem pengajaran kendiri (*self instructional system*) dalam bentuk MPK yang memberi pengukuhan segera dan membalaik adalah lebih berkesan untuk pembelajaran para pelajar jika dibandingkan dengan sistem yang tidak mengandungi kedua unsur ini.

Eisen dan Yaakobi (1986) dalam kajian mereka yang betujuan untuk melihat pencapaian akademik para pelajar menggunakan kaedah pembelajaran bermodul dalam bentuk MPK, telah melibatkan subjek seramai 557 pelajar gred sepuluh yang mengambil mata pelajaran Biologi. Mereka telah merumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan memihak kepada kelompok percubaan dalam pencapaian akademik.

Dapatan Steinberg (1989) memberi pandangan yang berbeza. Beliau mendapati pelajar berpencapaian rendah tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar. Ini kerana pelajar tersebut tidak mengambil inisiatif untuk membentuk strategi pembelajaran kendiri dan masih mengharapkan guru. Anderson dan Butts (1980) pula telah membuat kajian yang bertujuan untuk membandingkan pencapaian akademik pelajar yang mengikuti dua kaedah pengajaran yang berbeza. Kaedah pertama adalah kaedah pengajaran individu yang menggunakan MPK dan kaedah kedua pula adalah kaedah pengajaran tradisional untuk unit elektrik program ‘Elementary Science Study’. Subjek seramai 130 orang pelajar gred enam telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian akademik para pelajar berkenaan.

Shaharom Noordin (1999) telah mengkaji keberkesanannya modul pengajaran bagi mata pelajaran Fizik ke atas pencapaian akademik. Kajian ini dilakukan kerana para pelajar didapati kurang menguasai konsep-konsep Fizik yang dipelajari. Berdasarkan pada keputusan pencapaian mata pelajaran Fizik dalam SPM, masalah ini wujud sama

ada di sekolah barasrama penuh atau di sekolah harian biasa. Hasil kajiannya mendapati penggunaan modul dalam kaedah pengajaran bermodul telah menghasilkan perbezaan signifikan dan lebih memenuhi keperluan para pelajar hari ini berbanding kaedah pengajaran tradisional. Pencapaian akademik dan tanggapan terhadap konsep Fizik kelompok percubaan adalah signifikan dan lebih baik berbanding dengan kelompok kawalan.

Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1994) telah mengkaji kesan kaedah pengajaran bermodul ke atas pencapaian akademik pelajar Tingkatan Empat dalam kajian rintis. Tujuan kajian ini adalah kerana tiada kajian khusus yang telah diusahakan untuk mata pelajaran Fizik pada peringkat Tingkatan Empat di negara kita. Objektif kajian ini adalah untuk menilai kesan kaedah pengajaran bermodul ke atas pencapaian akademik dan penguasaan pelajar dan melaporkan kesan kaedah pengajaran bermodul ke atas jantina dan kebolehan. Hasil kajian ini didapati amat menggalakkan dan ini memberi petanda yang baik bahawa kaedah pengajaran bermodul boleh memberi motivasi kepada para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutama sekali dalam mata pelajaran Fizik. Ini boleh dilihat dari peningkatan pencapaian akademik yang tinggi dan juga bilangan pertambahan dalam penguasaan untuk setiap konsep.

Azlinda Ahmad (2000) dari Universiti Malaya telah menghasilkan sebuah Modul Pengajaran Kendiri bagi pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran Tipografi. Dua puluh orang pelajar separuh masa dari kelas yang sama digunakan sebagai sampel

kajian. MPK dihasilkan kerana pelajar-pelajar yang mengikuti kursus komputer grafik dan seni reka di Cosmopoint menghadapi masalah di semester lima, mengabaikan pengetahuan mereka mengenai tipografi sehingga karya-karya akhir adalah tidak menepati matlamat tipografi sebagai alat komunikasi. Hasil kajian mendapati bahawa semua pelajar yang terlibat menunjukkan peningkatan dalam pemahaman dan penguasaan tajuk yang diberi berdasarkan keputusan ujianpra dan ujianpasca yang menunjukkan pertumbuhan iaitu purata dari 23.73 kepada 27.20. Azlinda Ahmad (2000) mendapati MPK amat sesuai digunakan dalam pembelajaran untuk membantu pelajar-pelajar separuh masa kerana mereka dapat menggunakan modul tersebut berdasarkan kemampuan masing-masing mengikut tahap keupayaan diri sendiri.

Mohmad Hilmi Said dan Shaharom Noordin (1996) telah menghasilkan empat Modul Pengajaran Kendiri bagi subjek Teknologi Elektronik berdasarkan sukatan pelajaran Tingkatan Empat Sekolah Menengah Vokasional. Sampel kajian adalah 14 orang guru yang mengajar subjek Teknologi Elektronik. Guru-guru yang terlibat memberikan penilaian formatif ke atas modul yang dihasilkan. Keputusan menunjukkan bahawa modul ini amat sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Teknologi Elektronik pada peringkat Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Vokasional.

Satu kajian dijalankan oleh Mohamad Haslan dan Shaharom Noordin (1996) menggunakan kaedah yang sama. Kajian tersebut bertujuan menghasilkan dan

AS11937827

menjalankan penilaian formatif ke atas Modul Pengajaran Kendiri bagi subjek Kemahiran Hidup Bersatu di sekolah menengah. Kajian ini memberikan implikasi bahawa Modul Pengajaran Kendiri yang dibina dengan teliti dan terancang akan menghasilkan modul yang sesuai untuk bahan pengajaran dan pembelajaran.

Selvakumaran Nadarajan (1998) menilai keberkesanan penggunaan modul terancang dalam pengajaran topik Revolusi untuk Sejarah Tingkatan Empat. Sampel kajian ini terdiri daripada 52 orang pelajar Tingkatan Empat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mendapat skor yang tinggi dalam ujian akhir dan skor ini adalah signifikan. Chong Su Lian (1998) telah menilai keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri Ayat Pasif Bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah di Daerah Kuantan. Kajiannya mendapati pelajar-pelajar yang mengikuti pengajaran bermodul telah menunjukkan peningkatan pencapaian yang tinggi. Hasil kajian ini membayangkan ada tanda-tanda kaedah pengajaran bermodul adalah lebih berkesan berbanding dengan kaedah pengajaran tradisional.

Sebagai kesimpulannya, kebanyakan kajian lampau yang dilakukan untuk melihat keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri dalam meningkatkan pencapaian akademik sama ada di dalam negeri maupun di luar negeri, didapati memberikan kesan yang positif. Walaupun ada kajian-kajian seperti Steinberg (1989) dan Butts (1986) menunjukkan keputusan yang berbeza tetapi bilangannya adalah amat sedikit. Tambahan lagi ia adalah disebabkan sikap pelajar dan kelemahan pembentukan modul itu sendiri.

Dengan itu kajian seumpama ini dalam pelbagai mata pelajaran perlulah dicuba untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam subjek tersebut.

2.3.3. Modul Pengajaran Kendiri dan Sikap Pelajar

Sikap adalah ciri-ciri yang menggambarkan perasaan positif dan negatif seseorang terhadap objek, situasi, institusi, individu atau idea tertentu (Nitko,1983). Menurut Nunnally (1967, ms.566), “ *Attitudes concern feelings about particular social objects-physical, social institutions, government policies and others...* ”. Menurut Gagne (1985, ms. 219), sikap merupakan, “ *An acquired internal state that influences the choice or personal action toward some class of things, persons, or events* ”.

Berdasarkan kepada takrifan-takrifan di atas, bolehlah dirumuskan bahawa sikap adalah perasaan, tingkah laku, pendapat atau penilaian terhadap persekitaran. Ia berubah-ubah dari segi kematangannya dan boleh bersifat positif atau negatif. Sikap terhadap kaedah pembelajaran bermodul menggunakan Modul Pengajaran Kendiri merujuk kepada perasaan, tingkah laku, pendapat atau penilaian yang diberikan mengenai kaedah berkenaan. Keberkesanan modul terancang bergantung kepada sikap pelajar terhadapnya. Ini kerana modul terancang dibentuk sehingga pembelajaran berpusatkan pelajar.

Sikap pelajar juga bergantung kepada struktur modul terancang. Dapatan Romiszowski (1986), Steinberg (1984), Grubb (1968) dan Laurillard (1987) membuktikan bahawa sikap pelajar terhadap bahan pembelajaran individu bergantung kepada aktiviti yang berada di bawah kawalan pelajar. Di antaranya ialah topik, susunan setiap unit, bilangan latihan, tahap kesukaran, bahan rujukan tambahan, pilihan untuk menjawab soalan, melompat ke mana-mana sub topik dan kebebasan mengikut modul.

Butts (1980) telah melibatkan subjek seramai 130 pelajar gred enam dalam kajian beliau. Kajiannya mendapati para pelajar telah menunjukkan sikap yang positif terhadap kaedah pengajaran yang menggunakan MPK. Pada peringkat sekolah menengah, Eisen dan Yaakobi (1986) telah melibatkan subjek seramai 557 pelajar sekolah menengah atas. Kajiannya mendapati lebih dari separuh iaitu 53.5% mempunyai minat yang tinggi dan seronok dalam pembelajaran bermodul.

Okey (1974) mengkaji sikap terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran. Subjek terdiri daripada 19 orang guru yang mempunyai latar belakang pendidikan yang serupa. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan pada sikap guru terhadap ujian, gred dan pengajaran diagnostik. Brewer (1977) yang mengkaji aspek yang sama mendapati kebanyakan pelajar telah memberikan pendapat yang positif mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan modul.

Kajian mengenai sikap pelajar di institusi pengajian tinggi telah dilakukan oleh Gabriel dan Pillai (1981). Mereka mendapati bahawa kaedah pengajaran menggunakan

modul lebih digemari oleh pelajar. Adakalanya pelajar memberi respon yang negatif terhadap bahan pembelajaran individu. Umpamanya mengikut Born dan Herbet (1971), pelajar yang mengundurkan diri daripada kursus pembelajaran individu memberi alasan seperti terlalu banyak kerja dan tugas serta tabiat membaca yang kurang.

Kajian Norlela Che Husain (1991) dari UTM bertujuan untuk mengetahui sikap pelajar terhadap matematik dan menentukan keberkesanan penggunaan modul pengajaran bagi mengubah sikap pelajar agar menggemari Matematik. Bagi tujuan tersebut kajian telah dilakukan untuk mengetahui sikap pelajar Tingkatan Empat di tiga buah sekolah di sekitar negeri Johor. Didapati punca yang menyebabkan mereka tidak menggemari matematik adalah disebabkan pelajar tersebut masih lagi lemah dalam menguasai kemahiran asas matematik, tidak mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan tidak tahu mempraktikkan ilmu matematik dalam kehidupan seharian. Punca lain telah dikenalpasti ialah teknik pengajaran yang tidak menarik minat dan faktor kekurangan kemudahan alat bantu mengajar dalam pembelajaran. Dalam projek ini modul pengajaran Matematik Moden untuk tajuk Trigonometri disediakan dan dicuba jaya oleh pelajar. Maklumat yang diperolehi menunjukkan penggunaan modul dapat menarik perhatian serta mereka gemar mempelajari Matematik dengan menggunakan modul.

Rosniza (1999) telah menghasilkan modul-modul pengajaran kendiri untuk kegunaan klinik pemulihan Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Dalam kajian rintis, para pelajar telah diberikan ujian rujukan kriteria sebelum dan selepas penggunaan modul-modul. Penilaian kesesuaian modul oleh pakar

mendapati kedua-dua modul yang dihasilkan memiliki status sangat sesuai untuk digunakan untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris. Hasil temubual berstruktur dan pemerhatian tanpa penyertaan membuktikan bahawa terdapat unsur-unsur keselesaan, keyakinan dan keseronokan di kalangan pelajar pada ketika menggunakan modul-modul yang dihasilkan. Guru-guru yang terlibat dalam penghasilan modul ini berhasrat untuk menggunakan pendekatan yang sama dalam menghasilkan modul mereka sendiri.

Penghasilan dan penilaian formatif MPK ‘Prinsip Radio’ pada peringkat Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Vokasional oleh Mohmad Hillmi Said dan Shaharom Noordin (1996) di kalangan 14 orang guru juga menunjukkan hasil yang positif. Hasil kajian mendapati MPK yang dihasilkan amat sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah terutamanya di sekolah-sekolah menengah vokasional. Para guru berminat untuk mencuba dan menggunakannya dan sikap mereka adalah amat positif.

Mohamad Haslan Samsudin dan Shaharom Noordin (1996) telah menghasilkan MPK dan menilai kesesuaianya untuk digunakan di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu komponen pilihan Kemahiran Manipulatif Tambahan (KHB-KMT) pada peringkat Tingkatan Tiga. Mereka mendapati KHB-KMT adalah luas dan merangkumi pelbagai bidang ilmu dan kemahiran serta para pelajar pula perlu menguasai kedua-dua aspek iaitu amali dan teori. Tambahan lagi, peruntukan 40 minggu untuk menyelesaikan sukanan agak rumit untuk dilaksanakan dengan berkesan kerana para pelajar tingkatan tiga terlibat dengan peperiksaan percubaan dan PMR. Kajian ini

mendapati ia amat sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek ini. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, penggunaan MPK merupakan satu cara yang boleh mengatasi masalah ketidakcukupan tersebut.

Kajian oleh Kamarulzaman Abdul Ghani (1999) melihat kesesuaian MPK Lukisan Oblik secara unjuran kavalier, unjuran kabinet dan unjuran oblik am. Kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada MPK ini menetapi sukanan pelajaran Tingkatan Lima dan isi pelajaran yang terdapat dalam MPK ini menetapi objektif pelajaran, kaedah pembelajaran yang fleksibel secara individu dan kooperatif dan sesuai sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Responden kajian yang terdiri daripada 12 orang guru mendapati, MPK ini menepati sukanan pelajaran Tingkatan Lima; isi pelajaran yang terdapat didalamnya juga sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang menarik.

Adakalanya pelajar memberi respon yang negatif terhadap bahan pembelajaran individu. Umpamanya mengikut Born dan Herbet (1971) pelajar yang mengundurkan diri daripada kursus pembelajaran individu memberi alasan seperti terlalu banyak kerja dan tugas serta tabiat membaca yang kurang. Martin (1989, ms.5) memberi dua alasan untuk kegagalan modul iaitu kandungan yang dipilih terlalu kompleks, membosankan dan tidak relevan atau tidak sesuai kepada pelajar tertentu dan satu lagi ialah kandungannya terlau biasa untuk pelajar tersebut yang telahpun sedia ketahui bidang yang dikendalinya itu dengan baik. Kajian oleh Shaharom Noordin (1999) mengenai sikap pelajar terhadap Modul Pengajaran Kendiri mata pelajaran Fizik mendapati tiada

perbezaan signifikan dari segi sikap para pelajar terhadap kaedah pengajaran bermodul. Walaupun begitu sikap mereka terhadap kaedah ini di sepanjang tempoh kajian adalah sangat positif.

Daripada hasil kajian didapati pelajar mahupun guru amnya menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan modul sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Kalau ada respon negatifpun adalah disebabkan kelemahan pembentukan modul itu sendiri. Dengan itu, kajian ini cuba mengkaji sikap pelajar sekolah menengah terhadap Modul Pengajaran Kendiri.

2.3.4 Modul Pengajaran Kendiri dan Pendidikan Moral

Secara ideal Pendidikan Moral patut diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah yang berpusatkan pelajar dan patut memasukkan kurikulum tersembunyi seperti kata Wilson (1972, ms.8),

We may think here not just of using modern, with it examples, but also such methods as acting, role-playing, simulation-situation, the use of films, tape recordes, video-tape and so on. Perhap it will be desirable to take the children out of the classroom and introduce them to situation in the outside world.

Cabarannya dalam pengajaran dan pembelajaran nilai adalah kompleks. Cabaran yang utama mungkin datangnya daripada interpretasi nilai oleh seseorang individu. Misalnya, sesuatu amalan nilai yang baik bagi kaca mata sesuatu kaum mungkin tidak disenangi oleh kaum yang lain. Memupuk nilai dalam diri individu memerlukan masa

dan kesabaran. Perubahan sikap dan tingkahlaku yang diingini jarang berlaku dalam sekelip mata. Dalam penyampaian pelajaran, guru seharusnya memperluaskan skop isi dan contoh supaya tidak sahaja meliputi hal-hal yang berkaitan dengan diri murid, tetapi situasi-situasi harian yang meliputi hubungan murid dengan masyarakat serta negaranya melalui pengalaman sendiri atau melaui media massa. Jadi jelaslah proses pengajaran dan pembelajaran nilai didatangi oleh beberapa cabaran, maka jika kita berhasrat mahu menerapkan nilai-nilai murni merentas kurikulum, sesuatu contoh pengajaran dan pembelajaran haruslah mengambilkira cabaran-cabaran tersebut.

Adalah penting untuk mengingati apa yang Straughan (1982) telah sentuh. Beliau menekankan bahawa pengajaran Pendidikan Moral adalah bukan sahaja pemindahan pengetahuan atau menunjukkan satu set nilai kepada masyarakat. Oleh itu peranan guru bukan sahaja mengajar apa yang betul dan salah sahaja. Jauh dari itu, guru-guru perlu berusaha untuk menunjukkan kemunculan pendapat moral dan aplikasinya yang betul kepada konsep keputusan kehidupan sebenar. Tujuannya adalah membuatkan mereka faham sebab yang mendasari kemoralan. Pelajar perlu memahami, menyatakan dan mengaplikasi sebab-sebab yang betul kepada kes-kes yang relevan seperti kata Wilson (1972, ms. 18):

We must show them the existence and proper application of such reasons in various contexts and illustrative example: and the more 'real' the contexts and examples are, the better.

Kajian Sheela Abraham (1993) di kalangan sepuluh orang guru yang mengajar Pendidikan Moral mendapati kebanyakan guru yang terlibat dalam kajian ini

mengutamakan strategi tradisional iaitu berpusat kepada guru. Mereka lebih suka cara seperti perbincangan dan huraihan. Guru juga sering merujuk kepada petikan yang terdapat dalam buku teks. Banyak daripada strategi pengajaran dan pembelajaran inovatif dan berpusat kepada murid tidak pernah digunakan. Cara ini tidak dicuba kerana beberapa faktor. Pertama, ramai daripada guru tidak mengetahui cara mengendalikan strategi ini. Mereka juga merasakan kaedah ini mengambil banyak masa, dan memerlukan banyak persediaan. Mereka lebih yakin cara “*chalk and talk*”.

Menurut Arbuthnot (1979), untuk menjadi seorang guru Pendidikan Moral yang efektif, mereka mesti mengetahui cara bagaimana merancang suasana pembelajaran berkesan di dalam bilik darjah yang mempunyai pelajar-pelajar yang berlainan kecekapan dan pencapaian. Pada masa yang sama, guru tersebut juga harus menjadi ‘*effective communicator*’ dan perlu sabar dalam menangani penaakulan tentang isu-isu moral pada setiap pelajar yang berbeza kecekapan dan pencapaian. Santha Moorthy (1997) telah mengkaji hubungan tahap penaakulan moral dengan pencapaian. Ia melaporkan hasil kajian yang dilakukan di sebuah sekolah menengah di Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan. Kajiannya mendapati semakin tinggi skor IQ, maka semakin meningkat skor peringkat penaakulan moral dan pelajar-pelajar berpencapaian tinggi menaakul di peringkat penaakulan moral yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar berpencapaian rendah. Kajian Lim Tong Eng (1999) menunjukkan bahawa terdapat perkaitan diantara kematangan moral dan peringkat pencapaian akademik di kalangan pelajar.

Sehubungan dengan itu, Santha Moorthy (1997) mencadangkan guru-guru wajar memahami tahap penaakulan moral pelajar supaya pengajaran mereka dapat dijalankan dengan lancar. Di samping itu adalah wajar bagi setiap guru khususnya guru mata pelajaran Pendidikan Moral menyusun strategi pengajaran supaya sesuai dengan kecerdasan dan pencapaian murid-muridnya di bilik darjah.

Bahan pembelajaran yang digunakan di kelas khususnya buku teks mempunyai banyak kelemahan sedangkan ia adalah unsur pembelajaran yang dominan kepada pelajar dalam proses mereka belajar. Di samping itu, buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah kebanyakannya bersifat ‘*standard*’, dan tanpa mengambil kira taraf kebolehan pelajar-pelajar. Ini mungkin merupakan satu halangan kepada keberkesanan kurikulum yang telah ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Menurut Dreyer (1984, ms.338), “*In the content areas, it may not be possible to find one textbook appropriate for all students in a class*”. Kajian Zarin Ismail (1990) juga mendapati buku-buku teks Pendidikan Moral yang digunakan oleh sekolah-sekolah yang terlibat, walaupun telah diakui oleh pihak Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan sebagai telah memenuhi keperluan-keperluan sukanan pelajaran tetapi telah dikatakan tidak sesuai oleh kebanyakan guru yang menggunakananya.

Fatimah Ali (1992), telah membuat kajian mengenai kesan penghayatan nilai murni di kalangan pelajar. Dalam kajiannya, beliau telah membuat tinjauan dan temubual dengan beberapa orang guru Pendidikan Moral. Kajian beliau mendapati terdapat perbezaan yang ketara dari segi keberkesanan pemahaman nilai-nilai murni di

antara sekolah-sekolah di pinggir bandar dan sekolah-sekolah di luar bandar. Kajian Fatimah juga mendapati latar belakang keluarga, kawasan kediaman dan masyarakat di mana ibu bapa mereka bekerja juga mempengaruhi keberkesanan penghayatan nilai murni di kalangan pelajar. Didapati bahawa anak-anak dari keluarga yang tidak berminat membaca, tidak berpeluang untuk berhadapan dengan bahan-bahan yang membuka fikiran untuk memahami apa itu moral serta apakah yang memisahkan antara yang bermoral dan tidak bermoral. Oleh itu perbezaan seperti ini harus diambilkira oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mukherjee (1975), suatu program Pendidikan Moral di sekolah perlu dijalankan secara terancang baik secara formal atau tak formal untuk menunjukkan perkembangan moral pelajar-pelajarnya. Demikian juga dengan Kohlberg (1974) yang menyatakan bahawa peranan sekolah tidak dapat dinafikan dalam mengembangkan penaakulan moral pelajar-pelajar. Kajian Zarin Ismail (1990) yang mengkaji pelaksanaan Pendidikan Moral KBSM Tingkatan Satu di sekolah-sekolah Daerah Hulu Langat melibatkan guru-guru yang mendapat latihan akademik dan perguruan yang berbagai-bagai latar belakang dan pelbagai disiplin ilmu. Kajiannya mendapati ciri persamaan yang ketara wujud bagi guru-guru tersebut ialah mereka secara majoritinya tidak begitu faham tentang teori-teori asas perkembangan moral. Mereka juga tidak terlatih dalam kaedah-kaedah pengajaran nilai yang mana kemahiran ini dapat membantu mereka dalam mengajar Pendidikan Moral dengan lebih berkesan. Kajian Nageswararao (1989) mengenai persepsi guru sekolah rendah terhadap pendidikan Moral di Daerah Kelang dan Hulu Langat mendapati kursus orientasi selama tujuh jam dalam seminggu tidak

membantu responden menguasai dengan sepenuhnya teknik-teknik pengajaran Pengetahuan Moral ini.

Kajian Nageswararao (1989) juga mendapati guru-guru yang terlibat dalam kajian ini menganggap bahawa kakitangan penting Pendidikan Moral kurang memberi bimbingan untuk membantu mereka melaksanakan Kurikulum Pendidikan Moral di sekolah masing-masing. Kakitangan penting pendidikan Moral hanya mencerap guru semasa lawatan mereka ke sekolah dan kurang berpengetahuan untuk memberi cadangan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru kajian ini juga mengatakan Pusat Sumber Daerah terletak jauh dari sekolah responden dan ini menyukarkan mereka meminjam bahan bantuan mengajar. Pusat sumber di sekolah responden pula amat kecil dan tidak disediakan dengan bahan bantuan mengajar yang cukup dan sesuai untuk mata pelajaran Pendidikan Moral.

Kajian Poovai Karuppanna (2000) yang melihat keberkesanan penggunaan bahan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Moral di kalangan pelajar di peringkat Tingkatan Lima di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur mendapati penggunaan bahan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Moral membawa perubahan positif dalam pencapaian di kalangan pelajar Tingkatan Lima di sekolah tersebut. Jika bahan multimedia dapat meningkatkan pencapaian Pendidikan Moral, Modul Pengajaran Kendiri yang mempunyai struktur yang sama walaupun dalam bentuk bercetak juga boleh menampakkan kesan positif.

Jeevajothi Nagalingam (1997) dari Universiti Malaya telah menyelidiki keberkesanan perbincangan dilema moral dalam perubahan penaakulan moral di kalangan pelajar Tingkatan Lima. Dalam dilema-dilema tersebut, subjek diminta memilih tindakan yang patut diambil oleh watak utama dalam cerita itu dan memberi alasan-alasan terhadap pilihan mereka. Alasan-alasan inilah yang menentukan sama ada terdapat perubahan dalam penaakulan moral atau tidak (Kohlberg, 1975). Kajian ini telah dijalankan di sebuah kelas Pendidikan Moral di sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah perbincangan dilema moral ini boleh digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat Pendidikan Moral tersebut. Kebanyakannya daripada pelajar yang terlibat bersetuju bahawa kaedah perbincangan dilema moral begini amat menarik. Kajian oleh Medrano (1994) juga mendapati bahawa perbincangan dilema nilai di bilik darjah membawa kepada penaakulan Moral di kalangan pelajar.

Kajian Azian Tengku Syed Abdullah (1990) mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar dalam kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap pertimbangan nilai moral selepas didedahkan dengan episod dilema moral. Memandangkan kajian-kajian ini, dilema moral juga turut dimasukkan dalam Modul Pengajaran Kendiri ini untuk mencapai objektif yang diingini.

Wan Hasmah Wan Mamat (2000) dalam tesis doktor falsafahnya bertajuk '*Values Education in Malaysian Schools: Facing the Challenges of Government Policy In Vision 2020*' telah mengkaji pengajaran nilai di sekolah-sekolah di Malaysia. Falsafah

pendidikan kebangsaan mengkhusus kepada perkembangan individu dan warganegara bertanggungjawab yang seimbang. Inilah yang menjadi asas kepada reformasi pendidikan dan perlu untuk menemui sembilan cabaran strategik dalam ‘Wawasan 2020’ yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara industri dengan nilai moral yang teguh. Pendidikan Moral merupakan salah satu strategi untuk mencapai matlamat dan aspirasi tersebut.

Dengan demikian Wan Hasmah Wan Mamat (2000) ingin mengkaji bagaimana guru berhubung dengan isu nilai-nilai dalam pelajaran, pemahaman mereka, pengetahuan dan persepsi mengenai nilai dan ‘Wawasan2020’. Data dikumpul selama tiga bulan melibatkan 12 orang guru. Kajiannya mendapati walaupun guru melihat bahawa nilai adalah satu elemen yang penting dalam subjek tetapi mereka gagal untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang optima bagi perkembangan pengajaran nilai di dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kegagalan guru untuk membentuk persekitaran bilik darjah yang reflektif dan kondusif untuk penerokaan nilai yang efektif adalah hasil dari penyertaan kepada pelbagai faktor seperti kekurangan pemahaman konseptual dan skil pedagogi, dilema guru untuk menghadapi keperluan peperiksaan, orientasi nilai yang konflik dan kekurangan latihan dan perkhidmatan sokongan. Kajian ini mendapati bahawa perubahan adalah perlu untuk perkembangan guru jika hendak mencapai matlamat ‘Wawasan 2020’.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lampau, dapat satu gambaran teliti bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral menghadapi pelbagai masalah terutamanya dalam

strategi dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Dengan demikian Pendidikan Moral yang diajar dengan kaedah modul diharapkan dapat mengatasi beberapa kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek berkenaan. Umpamanya pelajar didedahkan kepada pelbagai isu dan situasi beserta gambar, kebebasan kepada pelajar untuk menamatkan sesuatu unit dengan kadar sendiri, pemulihan dan hubungkait. Kajian Vecchio dan Costin (1977) membuktikan bahawa persediaan awal guru dari segi objektif, bahan pembelajaran dan penilaian akan membantu guru untuk menjangka tahap pembelajaran dan kepuasan pelajarnya.

Walaupun terdapat banyak kajian yang menguji keberkesanan MPK, kajian lampau yang berkaitan dengan MPK dan Pendidikan Moral adalah kurang. Dengan itu, kajian ini juga bertujuan menguji kaedah bermodul dan pengajaran Pendidikan Moral supaya dapat membantu para akademik dan guru Pendidikan Moral untuk mengatasi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran subjek berkenaan dan seterusnya membantu merealisasikan Wawasan 2020 untuk membentuk generasi maju yang bermoral.

2.4 Pembelajaran Konteksual

Pembelajaran Konteksual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkret yang melibatkan aktiviti '*hands on*' dan '*minds on*' di mana mempunyai hubungan rapat dengan pengalaman sebenar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Menurut Hull (1993), pembelajaran hanya berlaku

apabila murid dapat memproses maklumat atau pengetahuan baru dengan cara yang bermakna dalam rangka minda mereka dan pembelajaran menjadi lebih berkesan jika maklumat disampaikan dalam konteks yang pelbagai dan bermakna kepada murid.

Pembelajaran kontekstual adalah satu konsep pengajaran dan pembelajaran yang membantu guru untuk menghubungkaitkan kandungan mata pelajaran kepada situasi dunia sebenar dan memotivasi pelajar untuk membuat perhubungan di antara pengetahuan dan aplikasinya kehidupan mereka sebagai ahli keluarga, warganegara dan pekerja dan bergiat di dalam tugas yang memerlukan pembelajaran. Ia mementingkan penyelesaian masalah dan memberikan penilaian sebenar (Zelinka, 2000).

James (1958), bapa sejarah pembelajaran kontekstual telah mengatakan bahawa, “*No reception without reaction, no impression without correlative expression*”. Beliau mempercayai bahawa proses kognitif yang mengaitkan di antara pengetahuan dan perlakuan adalah terpusat. Minda boleh beroperasi secara aktif, berupaya mengorganisasikan pemikiran dan memproses pengalaman. Sebagai seorang pragmatik, beliau juga yakin kebenaran muncul melalui pengalaman manusia dan kepercayaan serta pengetahuan tidak boleh dipisahkan dari tindakan dan pengalaman. Teori pengajaran James ini memberi penekanan kepada proses kognitif yang mengaitkan di antara mengetahui dan melakukan. Intipati bagi pengajaran kontekstual ialah, “*learning by doing*”.

Berdasarkan teori pembelajaran kontekstual, pembelajaran hanya berlaku apabila memproses maklumat atau pengetahuan baru yang bermakna berdasarkan kepada ranga rujukan iaitu yang terdapat dalam ingatan, pengalaman dan gerak balas mereka. Pendekatan ini menganggap bahawa minda secara semulajadi akan mengaitkan pengertian dalam konteks persekitaran seseorang itu. Ini dilakukan dengan mencari hubungan yang bermakna dan berguna kepadanya (Hull, 1995).

Dewey (1991) seorang ahli falsafah pragmatik mempunyai pandangan yang berbeza sedikit daripada James (1958) yang memberi penekanan utama kepada matlamat pendidikan individu. Manakala Dewey lebih kepada matlamat sosial iaitu pendekatan pendidikan insan secara menyeluruh dengan memberi penekanan terhadap masalah sebenar kehidupan dan aktiviti sosial. Beliau menyokong bentuk kurikulum dan metodologi pembelajaran yang berasaskan kepada pengalaman dan minat. Dewey gagal mengenengahkan teori pembelajaran kontekstual sebaliknya teori pembelajaran behaviorisme yang telah diperkenalkan oleh Thorndike (1874-1949) telah mendapat sambutan masyarakat ketika itu.

Parnell (1995) telah menyatakan bahawa terdapat empat ciri penting dalam pembelajaran kontekstual atau *logolearning*, iaitu seperti berikut:

- a. Pembelajaran untuk memperolehi pengetahuan
 - Pelajar-pelajar memperolehi maklumat dan dapat mengekalkannya untuk aplikasi atau dikaitkan dengan situasi sebenar.

b. Pembelajaran untuk diaplikasikan

- Pelajar terlibat secara aktif dalam mempraktik dan memproses apa yang dipelajari di dalam konteks situasi kehidupan sebenar. Ini dilaksanakan dengan mewujudkan aktiviti yang ada kaitan dengan keadaan kehidupan sebenar supaya pelajar-pelajar dapat membuat tindakan bagaimana membuat keputusan untuk mengaplikasi maklumat dan pengetahuan tersebut.

c. Pembelajaran untuk diasimilasikan

- Pelajar dapat menunjukkan kefahaman yang mencukupi untuk mengaitkan di antara kandungan dan konteks yang telah dipelajarinya iaitu dengan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran secara efektif kepada situasi baru.

d. Pembelajaran untuk penyekutuan

- Pengalaman pendidikan diorganisasikan dalam persekitaran masalah dan temanya bukannya pada disiplin mata pelajaran tertentu. Pelajar belajar untuk memindah pemerolehan, aplikasi dan asimilasi pengetahuan untuk mengatasi masalah dalam situasi baru.

Kurikulum yang berdasarkan strategi ini distrukturkan untuk menggalakkan lima bentuk pembelajaran dalam kontek seperti:

- Perkaitan

Mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman dalam kehidupan

- Aplikasi

Pembelajaran dalam kontek bagaimana pengetahuan dan maklumat boleh digunakan.

- Pengalaman

Pembelajaran dalam bentuk penjelajahan, penemuan dan penciptaan.

Perkaitan dan pengalaman adalah merupakan strategi yang boleh membangunkan kefahaman yang bermakna terhadap sesuatu konsep. Aplikasi pula akan dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam, sebab sesuatu konsep itu dipelajari. Strategi ini dapat menggalakkan sikap positif di kalangan pelajar dan seterusnya memotivasi untuk belajar (Hull,1999).

Kaedah pengajaran perlu dipelbagaikan untuk membolehkan semua pelajar mempelajari sesuatu pelajaran dengan lebih berkesan. Ia perlu merangkumi cara konkret dan abstrak yang melibatkan proses memerhati, berfikir, melakukan dan merasa. Dalam strategi pengajaran kontekstual peranan guru akan berubah-ubah bergantung kepada keadaan. Adakala guru berperanan sebagai pensyarah, pemerhati atau fasilitator (Davidson,1990).

Kebanyakan pelajar di sekolah tidak mampu membuat kaitan antara apa yang mereka pelajari dengan bagaimana pengetahuan itu dapat dimanfaatkan. Ini berlaku oleh sebab cara mereka memproses maklumat dan perasaan motivasi untuk pelajar tidak tersentuh melalui kaedah pengajaran yang lazim digunakan iaitu kaedah syarahan yang abstrak, namun mereka amat perlu memahami konsep itu untuk memudahkan mereka mengaitkannya dengan suasana dan juga dalam menempuh kehidupan masyarakat di mana tempat mereka menjalani kehidupan dan bekerja. Pendekatan kontekstual menyedari hakikat bahawa pembelajaran ialah satu proses pelbagai bentuk yang kompleks yang menjangkau melepassi kaedah-kaedah jenis latih tubi dan rangsangan dan tindak balas. Menurut teori pembelajaran konteksual, pembelajaran hanya berlaku apabila pelajar memproses maklumat atau ilmu pengetahuan baru dengan cara tertentu sehingga ia membawa maksud atau makna kepada mereka dalam kerangka rujukan mereka sendiri (dunia dalaman bagi memori, pengalaman dan tindak balas mereka sendiri).

Satu kajian telah dijalankan di Amerika Syarikat oleh *Contextual learning Institute dan Consortium* (CLIC) pada tahun 1995 sehingga 1996 di lima buah sekolah di Daerah Portland untuk melihat maklum balas dari pengajaran konteksual dan kursus pembelajaran konteksual dan menilai maklum balas daripada semua guru dan pelajar yang terlibat. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan ini amatlah menggalakkan kerana melibatkan pelbagai aktiviti dan interaktiviti di kalangan pelajar dan guru dan dapat mengekalkan apa yang dipelajari dalam ingatan (Parnell, 1999).

Satu kajian rintis telah dijalankan pada bulan Ogos 1997 di 78 buah sekolah menengah teknik di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana keberkesanan pendekatan pembelajaran konteksual menggunakan modul bercirikan budaya Malaysia yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Teknikal. Mata pelajaran yang terlibat ialah Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi. Kajian tersebut melibatkan pendekatan yang lama dan kumpulan eksperimen yang menggunakan pembelajaran konteksual. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar lebih suka kepada pendekatan konteksual dan pencapaian para pelajar ini adalah lebih baik daripada para pelajar kumpulan kawalan. Ini merupakan satu petanda bahawa pendekatan pembelajaran konteksual disukai pelajar dan boleh merangsang minat terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik (Jabatan Pendidikan Teknikal,1999).

Kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat dan Malaysia telah membuktikan kejayaan dan kesesuaian pendekatan konteksual dalam mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik (Contextual Learning Institute & Consortium 1996 dlm Parnell 1999 dan Jabatan Pendidikan Teknikal,1999). Dalam proses pembelajaran secara konteksual, objektif pembelajaran dapat dicapai melalui pelbagai kaedah. Antara kaedah yang diutarakan adalah menghubung kait, mengalami, mengaplikasi, bekerjasama dan memindahkan. Setiap kaedah yang dibincangkan harus mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman dan persekitaran. Murid yang melalui kaedah pembelajaran secara konteksual berupaya mengaitkan apa yang dipelajari dan mengaplikasikannya kepada situasi lain (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Perancangan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral adalah berdasarkan kepada isu dan situasi. Tumpuan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada penyelesaian masalah yang berkaitan dengan isu dan situasi moral yang memerlukan pertimbangan rasional sebelum sesuatu keputusan diambil terhadap isu dan situasi yang dikemukakan. Oleh itu isu dan situasi yang dikemukakan perlulah yang berkaitan dengan dunia sebenar supaya pelajar dapat memahami situasi dengan tepat dan memilih nilai yang bertepatan dengannya. Dengan demikian pembelajaran kontekstual adalah sesuai diselitkan dalam Pendidikan Moral supaya mereka dapat melihat perkaitan di antara nilai dan aplikasinya dalam dunia sebenar. MPK merupakan salah satu cara yang sesuai untuk memberikan isu-isu dan situasi yang berlaku di dunia sebenar dan mengaitkannya dengan penerangan dan gambar-gambar yang sesuai. Penerangan sedemikian akan membantu pelajar memahami situasi yang diberikan dengan jelas dan mengambil pertimbangan yang rasional terhadapnya.

2.5 Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya mata pelajaran Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang agak baru dan melibatkan proses pengajaran nilai yang memerlukan pendekatan dan teknik tertentu. Dapatan kajian menunjukkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di negara ini masih menghadapi beberapa masalah seperti teknik pengajaran yang kurang sesuai, guru yang kurang pengetahuan mengenai pengajaran nilai, buku teks yang tidak menepati sukanan dan sebagainya. Dengan itu, untuk menjadi guru Pendidikan Moral yang efektif, mereka mesti mengetahui cara

bagaimana merangsang suasana pembelajaran berkesan di dalam bilik darjah yang mempunyai pelajar-pelajar yang berlainan kecekapan dan pencapaian. Oleh itu MPK yang mengambil kira kemampuan pembelajaran pelajar boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral memandangkan penilaian terhadapnya memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian akademik dan sikap pelajar terhadapnya.